



## "SIAPKAN DIRIMU UNTUK RAMADAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ <sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p> <p>Marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, atas nikmat yang dianugerahkan kepada kita semua, khususnya nikmat iman dan Islam serta nikmat kehidupan dengan mentaati segala perintahnya dan menjauhi larangannya. Semoga kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini bertajuk "<b>Siapkan Dirimu Untuk Ramadan</b>". <b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	6
<p>Di antara nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya ialah nikmat berada di bulan Ramadan. Inilah bulan, di mana Allah akan membuka seluas-luasnya pintu rahmat, keampunan dan pembebasan dari azab neraka, istimewa untuk hamba-hambanya yang ingin melakukan perubahan dalam hidup, bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah SWT.</p>	7

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 183



<p>Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 183 sebagaimana yang telah dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud; "Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, sampai kamu bertakwa".</p>	8
<p>Menjadi suatu yang lumrah bagi umat Islam, saban tahun apabila tibanya Ramadan, kita diperingatkan secara berulang kali kalimah takwa. Namun, apa yang menjadi persoalannya, sudahkah kita mencapai tahap takwa itu setiap kali datangnya Ramadan? Di dalam bulan Ramadan juga, Allah menjanjikan pahala yang berlipat kali ganda kepada hambaNya yang tekun melaksanakan kebaikan.</p>	9
<p>Ini berdasarkan sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhu bahawa beliau berkata, Nabi SAW bersabda:</p> <p>كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ، الْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ يَدَعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي.</p>	10
<p>"Setiap amal anak Adam akan digandakan pahalanya sebanyak 10 kali ganda sehingga 700 kali ganda. Allah berkata: Kecuali puasa, sesungguhnya ia milik-Ku, dan Aku yang akan membalasnya. Orang yang berpuasa meninggalkan nafsu syahwat dan makannya kerana aku".</p> <p>(Riwayat Muslim)</p>	11



<p>Bahkan Allah SWT juga menjanjikan pengampunan terhadap segala dosa yang pernah dilakukan oleh hambaNya, berdasarkan kepada sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhu, Nabi SAW telah bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ</p>	12
<p>“Sesiapa yang mengerjakan puasa Ramadan dengan keadaan penuh keimanan dan mengharapkan rahmat Allah SWT, nescaya diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu”.</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Bukhari &amp; Muslim)</p>	13
<p>Sebagai hamba Allah yang beriman, wajib bagi setiap diri kita, menjadikan bulan Ramadan sebagai medan untuk kita menginsafi dan bermuhasabah supaya menjadi hamba Allah yang benar-benar beriman dan muslim yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Melalui ibadah puasa yang dilakukan dengan kesungguhan, dihiasi dengan amal-amal ibadah yang lain seperti menyantuni golongan fakir, miskin dan anak-anak yatim dengan amalan bersedekah, memperbanyakkan membaca al-Quran, berzikir, bertarawih, berqiamulail dan lain-lain lagi, sebenarnya ia merupakan ubat yang paling mujarab untuk membersihkan jiwa kita daripada kuman-kuman mazmumah disamping mendorong kita kepada kehidupan yang bahagia dan diredai Allah SWT.</p>	14
<p>Demi memastikan ibadah puasa Ramadan tahun ini benar-benar memberi perubahan yang besar dalam diri kita, persediaan dan persiapan yang cukup rapi mesti kita lakukan. Antaranya ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kita hendaklah mempunyai ilmu dan kefahaman yang mendalam terhadap ibadah puasa yang akan kita lakukan. Sekiranya seseorang itu berpuasa dalam keadaan mengetahui dan memahami batas-batasnya, maka ibadah puasanya akan lebih berkualiti dan memperolehi ganjaran pahala.</li></ol>	15



<p>Terdapat dalam kalangan masyarakat kita, yang cukup menjaga diri daripada melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa, dengan mengelakkan diri daripada makan dan minum, namun dalam masa yang sama mereka masih melakukan maksiat kepada Allah SWT, tidak menunaikan solat, berjudi, mendedahkan aurat, melihat perkara-perkara yang haram, boros dan membazir dalam berbelanja dan perkara-perkara mazmumah yang lain. Akibatnya, ibadah puasanya menjadi sia-sia, hanya sekadar berlapar dan dahaga sahaja</p>	16
<p>Ingatlah amaran Nabi SAW melalui sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhu bahawa Nabi SAW telah bersabda;</p> <p style="text-align: center;"><b>رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ</b></p> <p>"Boleh jadi orang yang berpuasa, tiada baginya daripada puasa tersebut melainkan hanya lapar semata-mata".</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Ibnu Majah)</p>	17
<p>2. Perbanyakkan amalan sunat seperti puasa Isnin Khamis. Ini dapat kita lihat apabila Nabi SAW melakukan ibadah puasa sunat Isnin dan Khamis secara tetap, bahkan baginda akan lebih kerap berpuasa sunat apabila datang sahaja bulan Sya'ban.</p>	18
<p>Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah Radhiallahu'anhu pernah menyatakan dengan maksudnya; "Aku tidak melihat Rasulullah SAW berpuasa genap sebulan melainkan bulan Ramadan dan aku tidak melihatnya mengerjakan puasa pada bulan yang lain lebih banyak daripada yang dikerjakan dalam bulan Syaaban".</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim)</p>	19



<p>3. Menghidupkan rasa rindu, cinta dan seronok dengan kehadiran Ramadan yang semakin hampir dengan memperbanyakkan doa dan pengharapan terhadap Allah SWT. Nabi SAW apabila masuk sahaja bulan Rejab, maka para sahabat kerap mendengar Nabi berdoa dengan penuh pengharapan semoga dapat bertemu Ramadan.</p>	20
<p>Ini berdasarkan kepada hadis dari Anas bin Malik Radhiallahu'anhu berkata, apabila masuk bulan Rejab, Nabi SAW berdoa yang bermaksud : "Ya Allah, limpahilah berkat kepada kami pada bulan Rejab dan Sya'ban dan sampaikanlah kami (dengan selamat) ke bulan Ramadan".</p> <p>(Riwayat al-Thabrani)</p>	21
<p>Marilah kita memastikan Ramadan tahun ini adalah yang terbaik berbanding Ramadan yang lalu dengan kita melakukan perkara yang dinyatakan tadi. Jadikanlah Ramadan sebagai bulan pesta ibadah, dengan kita melakukan persiapan yang terbaik untuk merebut ganjaran-ganjaran yang terlalu banyak yang Allah SWT janjikan sepanjang bulan mulia ini. Jangan pula jadikan Ramadhan sebagai pesta juadah, hanya sibuk memilih menu dan juadah berbuka sepanjang sebulan berpuasa tetapi jauh daripada matlamat berpuasa itu sendiri.</p>	22
<p>Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa isi penting khutbah ini sebagai panduan kita bersama iaitu;</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ibadah puasa Ramadhan adalah difardukan ke atas setiap mukallaf dan akan dihisab di akhirat.</li><li>2. Umat Islam wajib mengamalkan segala yang diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya demi kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.</li><li>3. Umat Islam mestilah melaksanakan ibadah puasa yang diperintahkan sama ada puasa zahir dan batin bagi mendapatkan sebaik ganjaran daripada Allah SWT.</li></ol>	



## الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ  
الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا  
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ  
الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُم وَلَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

“ (Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu, sesiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan sesiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.”

(Al-Baqarah ayat 185)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

23

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

24




## KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
5	Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.
6	Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikanvaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan.
7	Kerana ianya tidak akan membatalkan puasa. Perkara ini telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالنُّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Jauhkanlah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu.</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19
<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	20
	21



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23